



MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)
(Agensi Kementerian Pembangunan Luar Bandar)
(KHAS UNTUK BUMIPUTERA)
KENYATAAN SEBUTHARGA

Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal bumiputera yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia bagi melaksanakan kerja-kerja berikut:-

NO SEBUT HARGA	TAJUK KERJA	KOD BIDANG	TEMPOH PENJUALAN	TARIKH TAKLIMAT / LAWATAN	HARGA SENASKAH DOKUMEN	TARIKH TUTUP
KPMBP/512/2018-001	CADANGAN BAGI KERJA-KERJA MEMBEKAL DAN MEMASANG LCD PROJECTOR (FIXED) DI BILIK KULIAH KOLEJ PROFESIONAL MARA BANDAR PENAWAR, JOHOR	PKK 010302	06/08/2018 Hingga 12/08/2018	13/8/2018 10 PAGI	RM5.00	19/8/2018 Sebelum 12.00 TENGAHARI

- Pembekal hendaklah mengemukakan sijil-sijil berikut yang masih sah tempoh untuk semakan sebelum dibenarkan membeli dokumen:-
 - Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA;
 - Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA;Satu (1) Salinan fotostat **SIJIL ASAL** di atas hendaklah dikemukakan untuk simpanan **MARA** semasa hendak membeli dokumen, **MARA** berhak menolak permohonan yang pada tanggapan **MARA** tidak layak.
- Dokumen Sebutharga boleh diperolehi pada waktu pejabat (8.30 pagi hingga 4.00 petang) seperti alamat di bawah. Bayaran dokumen Sebutharga hendaklah dibuat secara **WANG POS** atas nama **PENGARAH KOLEJ PROFESIONAL MARA BANDAR PENAWAR JOHOR** sebanyak **RM5.00**. Wang ini tidak akan dikembalikan.
- Semua kos berkaitan dengan Tawaran Kerja di atas adalah menjadi tanggungjawab pembekal.

Wakil Syarikat adalah **TIDAK DIBENARKAN** untuk membeli dokumen. Hanya **PEMILIK SYARIKAT / PENAMA** yang dibenarkan membeli dokumen dengan mengemukakan **KAD PENGENALAN DAN SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT** sebagai pengesahan. Satu (1) pembekal hanya dibenarkan mengambil satu (1) dokumen Sebutharga bagi setiap Sebutharga dan mengemukakan satu (1) tawaran Sebutharga sahaja.

- Dokumen Sebutharga yang telah lengkap hendaklah dimasukkan kedalam sampul surat yang bermeterai dan bertanda dengan **No. Sebutharga** dan **Tajuk Kerja** disebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebutharga** seperti alamat di bawah:-

Pengarah
Kolej Profesional MARA Bandar Penawar Johor
Jalan Ungku Abd. Aziz, 81930 Bandar Penawar Johor
Pada atau sebelum 19 OGOS 2018 jam 12.00 tengahari.

- Dokumen Sebutharga yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup tidak akan diterima dan akan ditolak. Maklumat ringkas tawaran di atas boleh layari di <http://bpenawar.kpm.edu.my/>

DR. ROSNAH BINTI MD. SAAD
Pengarah
Kolej Profesional MARA
Bandar Penawar